



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

MITI BERI PENDEDAHAN KEPADA PKS SABAH UNTUK MENJADI PERUSAHAAN BERTARAF GLOBAL

Lawatan turun padang Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) yang diketuai Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali hujung minggu ini (bermula 7 Ogos dan berakhir hari ini) telah memberi pendedahan kepada pemain-pemain industri di Sabah, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), tentang program-program Industri 4.0 dan fasilitasi untuk mengakses pasaran luar negara dalam mempersiapkan mereka menjadi PKS bertaraf global.

PKS yang terlibat di dalam sesi libat urus ini adalah dari sektor-sektor seperti Makanan & Minuman, Agrikultur, Perkhidmatan, Automotif dan tidak ketinggalan sektor Gas & Minyak serta Pelancongan.

Melalui sesi libat urus bersama industri ini, MITI telah memberi penerangan tentang kepentingan bagi PKS Sabah menerapkan pelan perniagaan yang berteraskan Industri 4.0 dari awal peringkat perniagaan. Selain itu, mereka juga diberi maklumat tentang fasilitasi-fasilitasi yang disediakan MITI untuk Industri 4.0 seperti Program Penilaian Kesediaan Industry4WRD (RA) dan Intervensi Perniagaan Industry4WRD.

Sesi libat urus bersama industri Sabah ini juga memberi pendedahan kepada PKS Sabah tentang prospek eksport dalam memampankan prestasi perniagaan mereka. PKS yang hadir turut diberi taklimat tentang program-program fasilitasi eksport oleh agensi MITI, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Antara program-program yang memudah cara akses pasaran ini adalah program sesi padanan perniagaan dalam talian eBizMatch. Program eBizMatch memberi peluang kepada PKS di Sabah untuk dipadankan dengan pembeli dari seluruh dunia secara maya. Selain itu, syarikat-syarikat ini juga boleh memanfaatkan Geran Pembangunan



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Pasaran atau MDG oleh MATRADE untuk menyertai pameran perdagangan antarabangsa yang dianjurkan secara dalam talian.

Menurut Dato' Seri Azmin, peranan MITI bukan sahaja melihat kepada perkembangan syarikat-syarikat bersaiz besar dan sederhana tetapi juga mempromosikan pembangunan industri PKS termasuklah Bumiputera. "MITI secara konsisten melaksanakan sesi libat urus dengan pihak industri melalui perbincangan dengan persatuan serta dewan perniagaan bagi memahami cabaran ekonomi yang dihadapi oleh pihak industri akibat pandemik COVID-19. Perkara ini penting bagi membolehkan MITI merencanakan bantuan yang boleh diberikan dalam memudah cara perniagaan," kata beliau.

Lawatan kerja ini adalah program berterusan MITI yang diketuai Dato' Seri Azmin untuk meninjau dengan lebih menyeluruh impak ekonomi kepada industri-industri di seluruh Malaysia akibat penularan wabak COVID-19. Ini adalah susulan lawatan kerja beliau ke Johor dan Melaka pada bulan Julai.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)

Ahad, 9 Ogos 2020

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082 E-mail alluks@miti.gov.my